

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status projek Marudi WaterFront yang diluluskan sebelum ini. Nyatakan projek lain yang akan atau sedang dilaksanakan di kawasan Baram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek *waterfront* yang pernah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya adalah Projek Waterfront Sungai Baram. Walau bagaimanapun, projek berkenaan kini telah diambil alih sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri di bawah kelolaan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Pada masa ini, tiada projek di bawah Kementerian yang sedang dilaksanakan di kawasan Baram.

Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaik taraf di Negeri Sarawak.

Bagi tujuan tersebut, Ahli Yang Berhormat disyorkan membuat permohonan melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) seterusnya. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM  
[PENDANG]**

**SOALAN NO. 87**

**TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Hospital Pendang dan peratusan pembinaan siap siaganya.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Projek pembinaan Hospital Pendang, Kedah telah mula dilaksanakan pada 7 Mei 2018 dan dijangka siap pada 18 Disember 2021. Prestasi kemajuan fizikal projek ini sehingga Mei 2019 adalah 4.01% sebenar berbanding 4.30% jadual.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM  
[PENDANG]**

**SOALAN NO. 88**

**TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pengambilan tanah untuk jalan masuk ke Hospital Pendang telah diselesaikan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Projek pembinaan Hospital Pendang, Kedah telah mula dilaksanakan oleh Kontraktor yang dilantik yang mana tarikh masuk tapak projek ialah pada 7 Mei 2018 dan dijangka siap pada 18 Disember 2021. Prestasi kemajuan fizikal projek ini sehingga Mei 2019 adalah 4.01% sebenar berbanding 4.30% jadual. Pada masa ini, kerja-kerja tanah dijalankan di tapak telah siap sepenuhnya.

Kerja-kerja di luar sempadan tapak projek yang melibatkan pembinaan jalan keluar masuk adalah tidak termasuk di dalam kontrak asal projek ini. Justeru itu, sebarang kerja-kerja di luar sempadan tapak projek iaitu skop menaiktaraf jalan telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah dan perkara ini dalam tindakan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) untuk permohonan kelulusan pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

Sekian, terima kasih.